



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

# PELAN STRATEGIK JPJ 2011 - 2015

# ISI KANDUNGAN



PERUTUSAN KSU	05
PERUTUSAN PENGARAH JPJ	07
RINGKASAN EKSEKUTIF	08
BAB 1 • PENDAHULUAN	10
BAB 2 • SENARIO PERSEKITARAN	20
BAB 3 • TRANSFORMASI JPJ	38
BAB 4 • HALA TUJU STRATEGIK	44
BAB 5 • PENUTUP	58
• LAMPIRAN 1	62

“Pelan Strategik JPJ  
2011-2015 adalah merupakan kesinambungan  
kepada Pelan Strategik 2005-2010 yang  
menetapkan halatuju transformasi warga JPJ ke  
arah usaha memperkasakan sistem penyampaian  
perkhidmatan JPJ.”



# PERUTUSAN

Y. BHG KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



### **Salam 1 Malaysia,**

Pelan Strategik JPJ 2011-2015 adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik 2005-2010 yang menetapkan halatuju transformasi warga JPJ ke arah usaha memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan JPJ. JPJ yang merupakan salah satu agensi utama barisan hadapan di bawah Kementerian Pengangkutan sentiasa memainkan peranan penting untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Dengan adanya Pelan Strategik 2011-2015, cabaran-cabaran baru yang memerlukan gandingan sumber-sumber yang ada dapat dirancang dengan efektif. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini akan memastikan agar halatuju ke arah melaksanakan tanggungjawab di dalam persekitaran yang kian berubah mendapat lonjakan ke tahap yang lebih tinggi dan terus relevan bagi memastikan agenda kerajaan ke arah keselamatan pengguna jalan raya terlaksana dan tercapai dengan pematuhan kepada peraturan lalu lintas.

Kita sedia maklum arus perubahan sekarang adalah bersifat dinamik dan sentiasa memerlukan daya tahan bagi setiap individu dan organisasi. Perancangan yang mampan dan tepat akan dapat membentuk satu landasan ke arah merealisasikan visi dan misi Jabatan.

Tahniah kepada warga JPJ kerana berjaya menyediakan Pelan Strategik 2011-2015 dalam usaha untuk merealisasikan kenyataan terkandung dalam kerangka Pelan Strategik ini untuk menjadikan JPJ sebuah organisasi yang diiktiraf dan dihormati oleh masyarakat sejagat.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

“ Transformasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan kaedah baru melaksanakan kerja melangkaui dari kebiasaan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan infrastruktur kelas pertama. ”



# PERUTUSAN

Y. BHG KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



Sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti adalah penting untuk pembangunan negara. Kerajaan telah memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban di kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam dalam usaha memastikan rancangan pembangunan negara berjalan lancar dan jayanya.

Pelan Strategik 2011-2015 ini disediakan seiring dengan iltizam kerajaan untuk melakukan proses transformasi melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran KPI. Transformasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan kaedah baru melaksanakan kerja melangkaui dari kebiasaan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan infrastruktur kelas pertama. Konsep Transformasi JPJ merangkumi perubahan sistematik yang menjurus kepada pewujudan institusi yang cemerlang dan pembinaan imej positif JPJ di kalangan masyarakat.

Usaha transformasi ini memerlukan komitmen yang padu dan berterusan oleh setiap warga JPJ dengan mengamalkan prinsip Budaya Kerja Kelas Pertama. Budaya Kerja Kelas Pertama ialah amalan terbaik dan terpuji yang melebihi daripada kebiasaan. Ia merangkumi aspek pemikiran, pengurusan emosi dan dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh integriti serta dapat memuaskan hati pelanggan.

Harapan saya, warga JPJ akan bersama-sama berganding bahu dan komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan agar matlamat untuk menjadikan JPJ sebagai sebuah institusi yang menerajui bidang pengurusan dan penguatkuasaan pengangkutan jalan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dapat dipenuhi sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Strategik 2011 -2015 ini.

***Dato' Hj Solah bin Mat Hassan***  
***Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia***



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik JPJ bertujuan untuk menyediakan Hala Tuju Transformasi JPJ yang bermatlamat untuk membangunkan keupayaan JPJ. Objektif Pelan Strategik ini merupakan objektif Transformasi JPJ untuk menjadikan JPJ sebagai sebuah institusi yang menerajui bidang pengurusan dan penguatkuasaan pengangkutan jalan bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Perubahan kepada persekitaran yang didorong oleh faktor-faktor luaran dalam organisasi memberi kesan langsung kepada pembuatan keputusan dan pelaksanaan dasar-dasar serta polisi JPJ. Faktor-faktor tersebut ialah:

- Model Transformasi Baru Kerajaan;
- Pertambahan Bilangan Pemandu dan Kenderaan Motor;
- Pelan Transformasi Sektor Awam;
- Keselamatan Jalan Raya;
- *UNECE WP29 – World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations*;
- Globalisasi dan Persaingan Pasaran;
- Perkongsian Kepakaran dan Khidmat Konsultasi;
- *Automated Enforcement System (AES)*;
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- Transformasi Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Malaysia; dan
- Pindaan Undang-undang.

Pelan Strategik ini juga merupakan hala tuju transformasi JPJ yang selaras dengan Misi Nasional melalui usaha untuk mewujudkan institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia dan meningkatkan kompetensi penjawat awam seperti yang termaktub di dalam agenda Rancangan Malaysia ke 10 (RMK 10) selain daripada menyokong falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi *National Key Result Area (NKRA)* yang menjadi Strategi Pertama Teras Strategik RMK 10. Transformasi JPJ akan melalui empat fasa pelaksanaan iaitu:

- Fasa 1, 2011 hingga 2012 – *Big Fast Results (BFR)* dan Transformasi Keinstitusian
- Fasa 2, 2013 hingga 2015 – Peningkatan
- Fasa 3, 2016 hingga 2020 – Pemeraksanaan
- Fasa seterusnya ialah 2020 ke atas – Kecemerlangan.

Sebagai asas permulaan bagi menjanakan langkah-langkah transformasi ini, JPJ akan menggunakan kerangka kapasiti 7S Mc Kinsey. Model 7S Mc Kinsey ini terdiri daripada strategi, struktur, sistem, staf, kemahiran (*skill*), gaya (*style*) dan nilai bersama (*shared value*). Faktor kejayaan utama (*key success*





*factor*) merupakan elemen penting bagi JPJ mencapai hasil yang diharapkan dalam agenda Transformasi JPJ. Faktor-faktor tersebut ialah:

- Penyusunan Semula Organisasi
- Kepimpinan Transformasional
- Pengurusan Perubahan Yang Berkesan
- Peruntukan Kewangan Yang Mencukupi
- Pelan Tindakan Strategik ICT JPJ;
- Penilaian dan Kajian Semula Pelan Strategik;
- Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan;
- Undang-undang Yang Relevan dan sesuai; dan
- Pelan Tindakan Operasi Bahagian.

Pelan Transformasi JPJ akan menjadi kejayaan apabila ia mampu merealisasikan visi JPJ menjadi organisasi pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan bertaraf dunia pada tahun 2020 dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.



# BAB 1

PENDAHULUAN

- KONSEP PELAN STRATEGIK
- OBJEKTIF PELAN STRATEGIK
- SEJARAH JPJ MALAYSIA
- CARTA ORGANISASI JPJ
- FUNGSI DAN PERANAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
- PUNCA KUASA
- STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN



# BAB 1 • PENDAHULUAN

## KONSEP PELAN STRATEGIK

Pelan Strategik JPJ ini bertujuan untuk menyediakan Hala Tuju Transformasi JPJ yang bermatlamat untuk membangunkan keupayaan JPJ bagi menghadapi senario perubahan yang berlaku dalam agenda pembangunan negara serta keperluan model ekonomi baru yang berasaskan kepada inovasi dan kreativiti. Hala Tuju Transformasi JPJ juga bermatlamat untuk membina keupayaan JPJ bagi mendokong inisiatif kepimpinan Negara dalam melaksanakan Model Transformasi Kerajaan secara 'Lonjakan Berganda' bagi menjadikan perkhidmatan awam Malaysia bertaraf dunia agar dapat mempercepatkan Malaysia menjadi sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Transformasi JPJ merupakan kaedah baru melaksanakan kerja melangkaui dari kebiasaan dan seiring dengan Pelan Transformasi Kerajaan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan infrastruktur kelas pertama. Konsep Transformasi JPJ merangkumi perubahan sistematik yang menjurus kepada pewujudan institusi yang cemerlang dan pembinaan imej positif JPJ di kalangan masyarakat. Aspek yang dicakupi meliputi pemerkasaan dasar; penambahbaikan dan penyeragaman proses perkhidmatan, jaminan kualiti perkhidmatan, sumber dan fasiliti yang mencukupi dan lengkap, usaha inovasi yang berterusan, pengurusan dan pembangunan modal insan yang berkesan serta pengukuhan integriti.



## OBJEKTIF PELAN STRATEGIK

Objektif Pelan Strategik ini adalah sejajar dengan nilai, potensi, keupayaan dan harapan pelanggan serta *stakeholders* JPJ disamping aspirasi seluruh warga JPJ sendiri untuk menyumbang secara berkesan kepada kemajuan Negara dan kesejahteraan rakyat. JPJ perlu bertindak secara strategik jika ingin mencapai kecemerlangan yang diharapkan.

Objektif Pelan Strategik ini juga merupakan objektif Transformasi JPJ iaitu untuk :

- Menjadikan JPJ sebagai sebuah institusi yang menerajui bidang pengurusan dan penguatkuasaan pengangkutan jalan bertaraf dunia menjelang tahun 2020.
- Menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan JPJ lebih relevan dan responsif kepada kehendak pembangunan ekonomi Negara.
- Memperkasakan bidang-bidang utama perkhidmatan bagi menghasilkan perkhidmatan dan hasil yang berkualiti dan mencapai piawai penarafan (*standard benchmark*) yang tinggi menurut piawaian antarabangsa.
- Membina reputasi dan imej berprestasi tinggi dan positif yang mampu meletakkan JPJ antara institusi kerajaan yang terbaik di dalam Negara.
- Membina persekitaran kerja yang lebih kondusif dan meningkatkan kualiti kehidupan pekerjaan (*Quality of Work Life*) di JPJ.



## SEJARAH JPJ MALAYSIA

Jabatan Pengangkutan Jalan telah ditubuhkan pada tahun 1937, di bawah Enakmen Lalulintas 1937, Undang-undang tentera British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pentadbirannya pada ketika itu dikenali sebagai Lembaga Pengangkutan Jalan yang berfungsi mengawal dan melesenkan perusahaan awam. Dengan wujudnya pentadbiran Tanah Melayu pada April 1946, kuasa lembaga tersebut telah diambil alih oleh Pejabat Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor yang merangkumi seluruh Tanah Melayu.

Sebelum 1937, pengawalan kereta motor adalah di bawah 4 negeri Melayu Bersekutu iaitu di Bawah Polis Perak dan Selangor, Ketua Inspektor Negeri Sembilan dan 6 Pegawai Daerah di Pahang. Pengawalan tidak berkuatkuasa di Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Selain dari 4 buah negeri mengenai kenderaan bermotor sehinggalah Enakmen Lalulintas 1937 diluluskan.

Selaras dengan pembukaan jabatan tersebut, satu undang-undang jalan raya yang dinamakan Ordinan Lalulintas Jalan 1953, telah diluluskan menggantikan Enakmen Lalulintas 1937. Memandangkan pentingnya tugas-tugas untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut khasnya terhadap kenderaan perdagangan, maka Bahagian Penguatkuasa telah diwujudkan dan menjalankan fungsi penguatkuasaan tersebut.

Pada 1 April 1946, Jabatan Pengangkutan Jalan telah ditubuhkan yang bertujuan menyelaras segala aspek berkaitan pengangkutan bagi seluruh negeri. Sehubungan dengan penubuhan Jabatan ini, pelbagai akta berkaitan Pengangkutan Jalan telah digubal seperti Ordinan Lalulintas Jalan tahun 1958 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Ini bertujuan bagi menyeragamkan undang-undang pengangkutan negara di samping menjadi landasan kepada JPJ melaksanakan tanggungjawabnya. Ekoran wujudnya kemajuan dalam sistem pengangkutan negara yang ketara pada tahun 1980, JPJ kian terbeban dengan pelbagai tanggungjawab dalam meningkatkan mutu perkhidmatannya. Selaras dengan itu, penyusunan semula struktur dalaman jabatan telah dilakukan bagi meningkatkan lagi kecekapan agar bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan semasa.




Akibat wujudnya kepelbagaian fungsi dalam setiap bahagian yang terdapat dalam jabatan ini, maka pelbagai inovasi telah diwujudkan bagi meningkatkan mutu kecekapan dalam perkhidmatan. Era 90an menunjukkan kemajuan paling memberangsangkan kerana wujudnya tuntutan yang menggalakkan terhadap sistem pengangkutan.

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia merupakan salah satu dari jabatan di bawah Bahagian Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan kaunter untuk pelesenan kenderaan dan pemandu serta menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk memastikan pemandu yang berhemah dan kenderaan yang selamat. Selain itu, ia juga merupakan organisasi yang menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, menguruskan pungutan hasil serta menguatkuasakan Akta Pengangkutan secara telus dan berkesan.





## CARTA ORGANISASI JPJ







## FUNGSI DAN PERANAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

JPJ berperanan penting menyumbang kepada pencapaian matlamat menjadi sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi melalui :

- **Memungut hasil Negara**  
JPJ berperanan untuk memungut hasil Negara melalui kutipan cukai dan pelbagai bayaran urusniaga pelesenan kenderaan motor, pelesenan pemandu dan penguatkuasaan.
- **Memberi khidmat kepakaran bagi menjana perkembangan industri automotif Negara**  
JPJ berperanan sebagai fasilitator kepada sektor swasta bagi memastikan sektor automotif Negara dapat berkembang maju selaras dengan keperluan dasar kerajaan.
- **Memberi khidmat kepakaran bagi memastikan sistem pendidikan pemandu yang berkualiti tinggi.**  
JPJ berperanan sebagai fasilitator dalam melaksanakan sistem latihan dan pendidikan pemandu yang komprehensif kepada institusi pendidikan pemandu bagi melahirkan pemandu yang kompeten untuk mencapai usaha mengurangkan kemalangan dan mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat.
- **Menguatkuasakan peruntukan Undang-Undang**  
JPJ bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan undang-undang pengangkutan jalan dilaksanakan dengan berintegriti serta dipatuhi oleh pengguna jalan raya bagi mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat.
- **Mewujudkan jaringan kerjasama korporat yang erat dengan rakan niaga**  
JPJ berperanan membantu meningkatkan kecekapan, perkembangan dan daya saing industri pengangkutan jalan melalui perkongsian maklumat, ketepatan data dan kepantasan membuat keputusan.



## **PUNCA KUASA**

- Akta Pengangkutan Jalan 1987 pindaan 2010
- Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan
- Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD)
- Kanun Acara Jenayah
- Akta Keterangan 1950
- Akta Senjata Api 1960
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Akta Acara Kewangan
- Perintah Am
- Arahan Keselamatan

## **STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN**

### **Stakeholders**

- Menteri Pengangkutan Malaysia
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan



## Pelanggan Luaran

- Pengusaha dan pengajar institusi memandu.
- Pengimport dan pengeksport kenderaan motor.
- Pengilang, penjual dan pembaiki kenderaan motor.
- Pemegang-pemegang lesen memandu.
- Pemilik berdaftar kenderaan motor.
- Pelawat atau pelancong.
- Agensi-agensi Kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan, pertubuhan dan swasta.
- Rakyat atau orang awam.
- Pengguna-pengguna lalu lintas jalan.
- Ketua-ketua Kerajaan dan Diplomat Asing.

## Pelanggan Dalaman

- Warga JPJ.



# BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN

- Model Transformasi Baru Kerajaan
- Pertambahan Bilangan Pemandu dan Kenderaan Motor
- Pelan Transformasi Sektor Awam Keselamatan Jalan Raya
- UNECE WP 29 – *World Forum For Harmonization of Vehicle Regulations*
- Globalisasi Dan Persaingan Pasaran
- Perkongsian Kepakaran dan Khidmat Konsultasi
- *Automated Enforcement System (AES)*
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- Transformasi Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Malaysia
- Pindaan Undang-Undang



## BAB 2 • SENARIO PERSEKITARAN

Perubahan kepada persekitaran yang didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalaman organisasi memberi kesan langsung kepada pembuatan keputusan dan pelaksanaan dasar-dasar dan polisi JPJ. Perubahan kepada persekitaran luaran khususnya telah memberi kesan yang besar kepada perubahan peranan dan fungsi JPJ agar lebih relevan dan selari dengan kehendak dan keperluan globalisasi pengurusan penguatkuasaan lalulintas jalan dan kejuruteraan automotif.

### A. Model Transformasi Baru Kerajaan

Sungguhpun pelbagai perubahan dan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memajukan perkhidmatan awam dengan tujuan untuk mempercepat pencapaian Wawasan 2020, namun ianya masih dianggap perlahan disebabkan oleh perubahan persekitaran khususnya ledakan globalisasi. Pelbagai idea dan trends sentuhan arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan telah memberi kesan kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat Malaysia. YAB Perdana Menteri Malaysia pada 9 Mac 2010 akhirnya telah mengemukakan satu pendekatan baru yang lebih berasas, bersepadu dan berkesan secara lebih cepat perlu diambil oleh kerajaan dan semua pihak yang terbabit khususnya perkhidmatan awam. Segala cabaran yang telah dan sedang dihadapi bukanlah menjadi halangan untuk Malaysia terus berubah.

Model Transformasi Baru secara 'lonjakan berganda' telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui empat (4) tonggak utama iaitu :

- i. Gagasan 1 Malaysia: Rakyat diDahulukan, Pencapaian Diutamakan. Gagasan ini merupakan satu falsafah induk sebagai panduan yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaan.
- ii. Program Transformasi Kerajaan yang merupakan satu program bagi menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih berkesan melalui sistem penyampaian perkhidmatannya, akauntabiliti kepada hasil yang diinginkan rakyat dan melonjak Malaysia menjadi sebuah Negara maju dengan masyarakat bersatu padu hidup di dalam suasana



kehidupan yang berkualiti dan bermutu tinggi.

- iii. Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK 10) yang merupakan dua inisiatif ekonomi bagi memeta hala tuju jangka panjang, sederhana dan jangka pendek Negara.

Bagi memastikan empat tonggak utama di atas dilaksana dengan berkesan, empat (4) Nilai Asas Pelengkap telah digariskan iaitu:

- i. Nilai (membudayakan) kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan.
- ii. Nilai (mementingkan) kepantasan bertindak dan membuat keputusan.
- iii. Nilai untuk wang.
- iv. Nilai integriti.

Sesungguhnya, dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah Negara maju, JPJ sebagai sebuah agensi perkhidmatan awam yang penting perlu memastikan segala perancangan dan tindakannya berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. JPJ perlu sentiasa bersedia dan mampu menghadapi pelbagai dugaan. Struktur, sistem dan strategi pelaksanaan yang mantap adalah antara perkara pokok bagi membolehkan JPJ menghadapi pelbagai kemungkinan akan datang. Bagi memenuhi kehendak pasaran dan menghadapi cabaran global, JPJ perlu bertindak sejajar dengan arus perdana transformasi perkhidmatan awam yang mementingkan kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi.



## B. Pertambahan Bilangan Pemandu dan Kenderaan Motor

Perangkaan bilangan kenderaan dan pemandu menjadi petunjuk asas kepada beban tugas dan peranan JPJ yang semakin mencabar. Kajian Universiti Putra Malaysia menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif di antara pertambahan bilangan kenderaan dan kadar kemalangan yang berlaku. Berdasarkan kajian di Negara maju, pertambahan kenderaan sebanyak tiga kali ganda akan menyebabkan peningkatan kemalangan lapan kali ganda. Bukti-bukti empirikal ini, jelas membuktikan bahawa JPJ perlu merancang dan bertindak di luar daripada kebiasaan bagi menghadapi cabaran ini sekiranya ingin mencapai visi dan misinya bagi mewujudkan jalan raya yang selamat dan efisien.

Sehingga tahun 2009 sahaja terdapat sebanyak 19,061,782 bilangan kenderaan telah didaftarkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.81% berbanding jumlah terkumpul kenderaan di Malaysia pada tahun 2008 iaitu sebanyak 17,971,901. Pertumbuhan yang serupa berlaku pada tahun 2008 iaitu sebanyak 6.89% jika dibandingkan dengan tahun 2007 yang mencatatkan bilangan terkumpul kenderaan sebanyak 16,813,943. Prestasi pertumbuhan pada kadar yang sama iaitu antara 5% hingga 6% setahun dijangka akan terus berlaku pada setiap tahun.

Bilangan pemandu-pemandu yang dilesenkan dalam tempoh yang sama oleh JPJ menunjukkan peningkatan pada kadar antara 4% hingga 5% setahun. Pada tahun 2008, seramai 11,227,144 pemandu telah dilesenkan berbanding 10,769,531 pada tahun 2007. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.25%. Pada tahun 2009, seramai 11,697,306 pemandu telah dilesenkan dengan peningkatan sebanyak 4.19% berbanding tahun 2008.

Perangkaan-perangkaan ini menunjukkan cabaran-cabaran yang perlu diberi perhatian oleh JPJ khususnya di dalam menyediakan keperluan perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan berintegriti. Urusan kaunter akan menjadi lebih sesak jika pembaharuan cara kerja, peraturan dan undang-undang serta saluran penyampaian perkhidmatan baru tidak dilaksanakan segera. Pada masa yang sama, strategi-strategi penguatkuasaan juga perlu dikaji semula supaya strategi-strategi baru dapat dilaksanakan bagi menangani cabaran dan senario perubahan semasa.





### C. Pelan Transformasi Sektor Awam

YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyarankan agar sektor awam melakukan transformasi segera sejajar aspirasi kerajaan. Transformasi sektor awam perlu bagi memastikan perkhidmatan awam lebih cekap mengurus, berhemah dalam berbelanja serta bertanggungjawab terhadap setiap keputusan dan perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat atau sektor swasta.

Antara peranan utama yang perlu dimainkan oleh sektor awam dalam merealisasikan aspirasi kerajaan adalah bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang kondusif dan berkembang, menyokong pertumbuhan dan daya saing dalam industri serta sektor swasta, menyokong keperluan tenaga kerja Negara, serta meningkatkan mutu kehidupan warga Negara. Transformasi inovasi pentadbiran sektor awam dilihat sebagai sesuatu yang sangat mendesak bagi membantu pencapaian lain-lain gagasan kerajaan di bawah Model Transformasi Kerajaan. Transformasi perkhidmatan awam perlu bagi menjadikan perkhidmatan awam lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi rakyat.

Inisiatif Pemodenan dan Transformasi Pentadbiran Awam merupakan teras kepada inisiatif meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan dan merupakan lanjutan kepada Gerakan Budaya Kerja Cemerlang yang telah diperkenalkan sejak tahun 1990. Inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh setiap sektor awam dan JPJ adalah:

- i. Menerapkan Komitmen Perkhidmatan Awam dengan penekanan kepada penyediaan Perkhidmatan Awam Kelas Pertama.
- ii. Mengoperasikan perkhidmatan awam ke arah "Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian, *No Wrong Door Policy*."
- iii. Merealisasikan konsep "Satu Kerajaan Pelbagai Agensi" secara lebih efektif.
- iv. Menjamin tahap keselamatan ICT.
- v. Memastikan organisasi berusaha meningkatkan kecekapan dan pengurusan organisasi dan menjadi organisasi cemerlang.
- vi. Memacu Perkhidmatan Awam ke hadapan sesuai dengan Visi 2020, Pelan Transformasi Sektor Awam dengan Visi ke arah pencapaian *World Class Public Service by the Year 2015* dan dengan Misi *To Enhance National Competitiveness Through Efficient Public Service Delivery*.



Cabaran JPJ adalah untuk melaksanakan semua inisiatif-inisiatif di atas dalam pentadbirannya. Satu perancangan dan hala tuju strategik JPJ perlu dibangunkan bagi mewujudkan Perkhidmatan Awam Kelas Pertama dan meningkatkan daya saing Negara.

Dalam hubungan ini, cabaran JPJ termasuk untuk meneroka dan memperkenalkan sikap baru bekerja yang mencakupi nilai-nilai kreatif, inovatif dan mempunyai nilai tambah yang tinggi berlandaskan sifat murni serta jati diri untuk diterapkan ke dalam setiap peringkat jawatan dalam JPJ. Kakitangan perlu dilatih dengan aplikasi terkini, menyerap sistem dan pemikiran baru, mengamalkan nilai murni dan ada jati diri malah memiliki daya usaha untuk menyelesaikan permasalahan rakyat selaku pelanggan. Usaha JPJ harus ditumpukan untuk memperkasakan Akademi JPJ Malaysia menjadi sebuah institusi peneraju dalam bidang pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan.

#### **D. Keselamatan Jalan Raya**

Matlamat keselamatan jalan raya adalah merupakan antara agenda utama Negara ke arah menjadi Negara maju pada tahun 2020. Di Negara miskin dan membangun, kematian disebabkan kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh permukaan jalan raya yang teruk, keadaan kenderaan yang uzur, pemandu yang mabuk dan tidak bertanggungjawab. Keadaan yang sama tidak wujud di sebuah Negara maju.

Malaysia merupakan sebuah Negara membangun dan sedang menuju menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. Keadaan jalan raya di Malaysia bertaraf “kelas dunia” tetapi perangkaan menunjukkan 18 kematian sehari berlaku disebabkan oleh kemalangan jalan raya. Laporan pertubuhan *International Transport Forum* yang berpejabat di Paris menyenaraikan Malaysia antara 33 negara yang mencatatkan kematian nahas jalan raya yang tertinggi di dunia iaitu pada kadar 23.8 kematian bagi setiap 100,000 penduduknya. Kadar ini adalah 6.3 kali lebih tinggi berbanding dengan United Kingdom (UK), Sweden dan Belanda. Jika dibuat perbandingan dengan Negara Britain, perangkaan menunjukkan bilangan nahas kematian hanya pada purata 3.8 kematian bagi setiap 100,000 penduduk.

Laporan yang sama mengkategorikan Malaysia sebagai antara Negara yang mencatatkan rekod nahas yang bertambah buruk dengan peningkatan



sebanyak 12 peratus kes kematian jalan raya pada tahun 2000 berbanding tahun 2009 jika dibandingkan dengan 30 negara lain yang menunjukkan penurunan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya.

Hasil penyelidikan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1999 juga harus diberi perhatian oleh Malaysia dalam usahanya untuk menjadi sebuah Negara maju. Penyelidikan WHO menganggarkan antara 750,000 hingga 880,000 bilangan kematian adalah akibat nahas jalan raya. Majoritinya atau 85% adalah membabitkan Negara-negara membangun.

Berdasarkan anggaran yang dibuat oleh *Environmental and Prognosis Institute* di Heidelberg Jerman, dianggarkan sebanyak 50 juta penduduk dunia akan mati dan 1.1 billion akan mengalami kecederaan akibat kemalangan jalan raya iaitu antara 1995 hingga 2030 sekiranya masalah kemalangan jalan raya tidak ditangani dengan segera. Secara purata sebanyak 138,889 kematian berpunca daripada kemalangan jalan raya setiap tahun akan dicatatkan di seluruh dunia. Ini termasuklah Malaysia yang menyumbang secara purata sebanyak 6,232 kematian setiap tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2009 dengan anggaran kerugian sebanyak RM9 billion setiap tahun.

Pada tahun 2009 sebanyak 6,745 kematian berlaku akibat kemalangan jalan raya di Malaysia atau 18.2 kematian sehari. Ini bermakna setiap 1 jam 20 minit seorang rakyat Malaysia terbunuh di jalan raya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan punca kematian disebabkan oleh kemalangan jalan raya di Malaysia berada pada kedudukan ke sembilan dalam senarai 100 penyebab kematian. Kedudukan ini dijangka akan meningkat ke kedudukan ke enam menjelang tahun 2020 sekiranya masalah ini tidak ditangani secara serius dan berkesan. Di kalangan Negara-negara ASEAN, Malaysia menduduki tangga teratas bagi angka kematian akibat kemalangan jalan raya mendahului Negara Thailand dengan 19.6, Indonesia 7.1, Singapura 4.8 dan Filipina 1.3 kematian bagi setiap 100,000 penduduknya.

Perangkaan-perangkaan di atas merupakan antara bukti-bukti empirikal terhadap cabaran-cabaran persekitaran yang perlu ditangani oleh JPJ dengan cekap dan berkesan sekiranya JPJ ingin merealisasikan visi dan misinya. Gagasan Misi Nasional untuk menjadi sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 tidak akan tercapai sekiranya JPJ gagal untuk menangani isu kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya dengan



cekap dan berkesan. Misi menjadikan Malaysia sebuah Negara maju perlu bergerak seiring dengan mencapai tahap keselamatan jalan raya setaraf dengan Negara-negara maju iaitu pada kadar 10 kematian bagi setiap 100,000 penduduk, 2 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar dan 10 kematian bagi setiap satu billion kilometer perjalanan kenderaan.

#### **E. UNECE WP 29 – World Forum For Harmonization of Vehicle Regulations**

Penubuhan *World Forum For Harmonization of Vehicle Regulations* di bawah Suruhanjaya Ekonomi untuk Negara-negara Eropah, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang dahulunya dikenali sebagai WP 29 (*Working Party*) telah mengambil beberapa langkah untuk mengharmonikan pembangunan dan peraturan teknikal kenderaan di seluruh dunia dengan menetapkan sasaran-sasaran berikut :

- i. Meningkatkan keselamatan jalanraya melalui standard kenderaan yang selamat.
- ii. Mesra alam sekitar.
- iii. Mempromosikan penggunaan tenaga yang relevan.
- iv. Meningkatkan prestasi anti-kecurian.

Sebanyak 126 peraturan teknikal telah dikuatkuasakan di bawah forum ini untuk digunapakai oleh Negara-negara yang menjadi ahli kepada UNECE sebagai satu piawai keselamatan yang diiktiraf di seluruh dunia. Memandangkan kepada kepentingan Negara untuk menyertai dan mematuhi undang-undang antarabangsa, Malaysia telah menjadi ahli ke 52 WP 29 untuk mewujudkan dan membangunkan Peraturan ECE (Perjanjian 1958) dan mewujudkan dan membangunkan Peraturan Teknikal Antarabangsa (Peraturan 1998). Sehubungan dengan keahlian tersebut, JPJ telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengambil tindakan segera bagi melaksanakan Peraturan UNECE WP 29 ini. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah:

- i. Penstrukturan semula Bahagian Teknik JPJ Malaysia yang kini dikenali sebagai Bahagian Kejuruteraan Automotif.
- ii. Penubuhan Jawatankuasa WP 29 – *World Forum Harmonization of Vehicle Regulations* di peringkat Kementerian Pengangkutan.
- iii. Penubuhan Jawatankuasa Tetap *Type Approval dan Homologation*.



- iv. Penubuhan Litar Ujian Kenderaan dan Kemudahan Penyelidikan
- v. Pindaan kepada Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 selaras dengan Peraturan UNECE.

Penyertaan Malaysia dalam UNECE WP 29 – *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations* dapat memantapkan lagi industri kenderaan motor di Malaysia melalui penetapan dan pematuhan kepada piawai antarabangsa. Di samping itu, penyelarasan kepada Peraturan UNECE membantu mengawal standard kenderaan, komponen, alat ganti dan aksesori. Sehingga bulan Oktober 2010, sebanyak 19 peraturan teknikal UNECE telah diwartakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya melalui *Vehicle Type Approval (VTA)*. Cabaran utama kepada JPJ adalah untuk melaksanakan sepenuh 126 peraturan UNECE melalui Penggubalan undang-undang yang berkaitan dan menguatkuasakannya bagi menyokong usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat UNECE WP 29, keselamatan kenderaan, dan keselamatan jalan raya.





## F. Globalisasi Dan Persaingan Pasaran

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia adalah persaingan sengit untuk mendapatkan pasaran di peringkat global dan wilayah. Ini berlaku akibat dari penurunan halangan perdagangan melalui pelaksanaan WTO, AFTA dan *Bilateral Free Trade Agreement* antara Negara-negara. Persaingan ini ditingkatkan lagi dengan kepesatan penggunaan komunikasi teknologi maklumat yang telah mewujudkan fenomena Negara tanpa sempadan. Kedudukan ini tidak memberi jaminan teguh kepada Malaysia untuk terus kompetitif dan Malaysia perlu terus meningkatkan daya saing untuk menjamin survival Negara menuju kepada Negara maju.

JPJ tidak terlepas daripada perlu bertindak pro aktif menghadapi cabaran ini. Kebanjiran kenderaan-kenderaan impot dan syarikat-syarikat pembuat kenderaan yang memasuki industri automotif Negara memerlukan kepakaran JPJ untuk bertindak sebagai fasilitator yang boleh membantu meningkatkan daya saing sektor automotif Negara dan merealisasikan matlamat Dasar Automotif Negara untuk menghasilkan transformasi dan integrasi optimum industri automotif Negara ke dalam jaringan industri serantau dan global. Persekitaran global yang semakin liberal dan kompetitif memerlukan transformasi ini disegerakan. Oleh itu peranan JPJ dalam menyokong pencapaian matlamat yang digariskan bagi sektor automotif Negara adalah amat penting khususnya melalui perkara-perkara berikut:

- i. Menggalakkan peningkatan tahap eksport kenderaan dan komponen yang kompetitif di pasaran dunia melalui pematuhan kepada piawaian spesifikasi antarabangsa.
- ii. Proses dan prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan akan dilaksanakan secara komprehensif, untuk mencegah pengimpotan dan penjualan kenderaan yang tidak menepati piawaian. Proses ini akan mematuhi pematuhan ketat dari segi *roadworthiness*, keselamatan dan piawaian emisi.
- iii. Menjaga kepentingan pengguna melalui pematuhan kepada peraturan spesifikasi produk yang selamat dan berkualiti.



## G. Perkongsian Kepakaran dan Khidmat Konsultasi

Melalui pelaksanaan piawaian antarabangsa yang sistematik, JPJ telah diberi kepercayaan bagi mengetuai Jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- i. Pengerusi *ASEAN Consultative Committee for Standard And Quality – Automotive Product Working Group (ACCSQ – APWG)* di peringkat ASEAN.
- ii. Pengerusi *Task Force for Mutual Recognition for Approval (MRA)* di peringkat ASEAN.
- iii. Setiausaha *Task Force for Mutual Recognition for Approval (MRA)* di peringkat ASEAN.
- iv. Pengerusi *International Standard Committee for Automotive (ISC – L)*.
- v. Setiausaha *Joint Sectoral Committee – ASEAN Automotive Committee (AAC)*.
- vi. Menjadi wakil tetap Kerajaan Malaysia dalam *JASIC Government – Industrial Meeting* di peringkat Asia.

Di peringkat antarabangsa JPJ telah menjadi ahli aktif dalam Jawatan kuasa-Jawatankuasa berikut:

- i. Wakil tetap Kerajaan Malaysia dalam persidangan *United Nation Economic Commission For Europe (UNECE) World Forum for Harmonization of Vehicle Regulation (WP 29)*.
- ii. Menjadi wakil tetap Kerajaan Malaysia dalam persidangan *International Motor Vehicle Inspection Committee (CITA)*.
- iii. *International Whole Vehicle Type Approval (IWVTA)*.
- iv. *Technical ISO PC 240 – Product Recall*
- v. *Technical ISO PC 241 – Road Traffic Management*
- vi. *Technical ISO TC 22 – Road Vehicles*



- vii. *Technical Globally Harmonization System (GHS)*
- viii. *Technical Environmental Hazardous Substances (EHS)*
- ix. *Government – Industry Technical Development for Automotive*
- x. *Technical Transportation of Dangerous Goods – Protokol 9*

JPJ juga telah menyumbang dalam Pembangunan *Road Traffic Management System (PC/ISO 241)*. Disamping itu JPJ juga merupakan ahli dan pakar rujuk kepada 142 Jawatankuasa Teknikal Standard Malaysia. JPJ juga telah menyumbang secara aktif dan terus bagi meningkatkan tahap keselamatan kenderaan dari dicuri. Dalam hal ini JPJ telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi membangun dan menguatkuasakan peraturan UNECE No. R18, R62 dan R116 yang boleh membantu mengelak kecurian kenderaan. Pada 28 Oktober 2009, JPJ telah dilantik secara rasmi oleh Kerajaan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan *Vehicle Type Approval (VTA)*. Lanjutan daripada itu JPJ telah membentuk dan mengetuai *National Committee for Type Approval and Homologation* di peringkat Kebangsaan.

Peranan dan tanggungjawab ini merupakan antara cabaran kepada JPJ di dalam memastikan apa yang dirancang dapat mencapai matlamatnya. Cabaran kepada JPJ adalah bagi memastikan setiap program pembangunan sumber manusia dapat membantu menyediakan kepakaran yang diperlukan. Pada masa yang sama, JPJ juga perlu dilihat sebagai relevan dan mampu untuk memberi khidmat konsultasi kepakarannya dalam bidang kejuruteraan automotif kepada Negara-negara jiran dan serantau.





## H. *Automated Enforcement System (AES)*

Usaha-usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya merupakan fokus utama Kerajaan memandangkan perangkaan semasa menunjukkan secara purata sebanyak 18 kematian berlaku disebabkan oleh kemalangan jalan raya sehari. Susulan daripada isu kemalangan jalan raya yang semakin bertambah dari tahun ke tahun, maka Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Kesalahan Lalu Lintas Secara Automatik (Automated Enforcement System).

Secara ringkas, sistem ini merupakan suatu sistem bagi mengesan dan merakam secara automatik sebaik sahaja sesuatu kesalahan lalu lintas dikenal pasti dilakukan oleh pemandu kenderaan di jalan raya. Maklumat kesalahan ini kemudiannya akan dihantar secara elektronik ke pusat kawalan untuk diproses bagi mengenal pasti pemilik atau pemandu berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam pangkalan data JPJ. Sistem ini akan mengeluarkan saman secara automatik untuk dihantar melalui pos kepada Orang Kena Saman. Sistem ini melibatkan empat (4) modul seperti berikut:

- i. Modul pengesanan
- ii. Modul penghantaran
- iii. Modul pemprosesan
- iv. Modul pengurusan penguatkuasaan

Cabaran terbesar JPJ dalam memastikan kejayaan AES adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan melalui pengesanan dan pengeluaran saman secara telus, tepat dan cepat.
- ii. *Facilitate/simplify* proses pendakwaan melalui penyediaan bahan bukti yang relevan dan diterima oleh mahkamah.
- iii. Menyediakan persekitaran transaksi AES yang selamat dan mempunyai tahap keselamatan, kerahsiaan dan integriti yang tinggi.
- iv. Menyediakan sistem pengurusan kesalahan jalan raya yang berkesan bagi membantu proses membuat keputusan.
- v. Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.



## J. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

ICT berupaya merubah kaedah bekerja dan orang ramai berurusan dengan JPJ. ICT juga membolehkan perkhidmatan disediakan melalui pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. Kemajuan ICT terbukti dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. ICT merupakan landasan strategik bagi memantapkan proses transformasi penyampaian perkhidmatan JPJ ke arah pencapaian matlamat *One Government Many Agencies*.

Projek pengkomputeran JPJ yang bermula pada tahun 1993 di seluruh Negara adalah merupakan pemangkin kepada program-program pembangunan JPJ. Selaras dengan pertumbuhan pendaftaran kenderaan serta pelesenan pemandu di Malaysia yang secara puratanya meningkat pada kadar 5% setahun, sistem komputer sedia ada tidak dapat lagi menampung dengan berkesan transaksi urusan dan urusan yang dijalankan. Sehubungan dengan itu pada tahun 2003, Kerajaan telah meluluskan Kajian Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ dan pelaksanaan Pembangunan Sistem Pengkomputeran JPJ akan mula dilaksanakan pada tahun 2011 secara berperingkat.

Antara cabaran Projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ ini adalah bagi merealisasikan inisiatif-inisiatif transformasi JPJ dengan:

- i. Membangunkan semula empat (4) Aplikasi Fungsi Utama JPJ yang bercirikan *customer centric* bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.
- ii. Membangunkan lapan belas (18) Aplikasi Sokongan (*Supporting Business*) bagi meningkatkan lagi produktiviti warga JPJ.
- iii. Menaik taraf infrastruktur di Pusat Data bagi memperluaskan inisiatif perkongsian maklumat.
- iv. Menaik taraf sistem rangkaian bagi mempertingkatkan saluran penyampaian perkhidmatan.
- v. Membekalkan perkakasan dan perisian ICT yang berteknologi terkini.
- vi. Mempersiapkan warga JPJ untuk menerima perubahan samada daripada perubahan kepada cara berfikir sehinggalah kepada kaedah bekerja yang baru di luar daripada kebiasaan.



## K. Transformasi Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Malaysia

Organisasi yang cemerlang bergantung kepada kecemerlangan individu di dalamnya. Pengurusan sumber manusia merupakan istilah yang diguna pakai bagi mendefinisikan pendekatan strategik dan koheren dalam mengurus aset bernilai dan penting organisasi iaitu modal insan. Umumnya, modal insan bertindak secara individu atau berkumpulan dalam menyumbang kepada pencapaian visi, misi serta objektif sesebuah organisasi.

Memandangkan ciri-ciri sumber manusia yang kompleks, dinamik dan sukar dikawal menyebabkan pengurusan sumber manusia menjadi satu seni yang bukan sahaja subjektif tetapi amat mencabar. Bagi melahirkan warga yang cemerlang dalam JPJ, ciri-ciri Budaya Kerja Kelas Pertama perlu disuburkan dalam jiwa dan sanubari setiap warganya. Budaya Kerja Kelas Pertama merupakan asas penting dalam melahirkan pekerja cemerlang dan didefinisikan sebagai amalan terbaik dan terpuji yang melangkaui kebiasaan. Ianya merangkumi aspek pemikiran, pengurusan perasaan dan dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh berintegriti serta dapat memuaskan harapan semua pihak bagi menjadikan diri, masyarakat dan negara ke arah lebih maju. Pembangunan sumber manusia perlu digilap kerana ia merupakan elemen penting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Transformasi Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Malaysia menetapkan *outcome* untuk mencapai Minda Kelas Pertama Modal Insan dan Kepimpinan, Pemantapan Institusi dan Pengukuhan Keupayaan Pelaksanaan sebagai hasil pencapaian jangka panjangnya. Impak langsung hasil ini akan mengujudkan:

- i. Perkhidmatan awam bertaraf dunia.
- ii. Penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.
- iii. Meningkatkan daya saing Negara menjadi Negara maju dengan ekonomi berpendapatan tinggi.

Cabaran JPJ di era informasi ini adalah untuk menjadikan JPJ sebagai sebuah *learning organization*, iaitu sebuah organisasi yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai pemacu pertumbuhan dan budaya kerja warganya. Matlamat JPJ adalah bagi mewujudkan *K-workers* bagi memacu ekonomi



Negara melalui penjaanaan ilmu sebagai asas kepada pembangunan ekonomi Negara (K-ekonomi) yang turut dipengaruhi penjaanaan aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan ilmu di peringkat global.

Usaha memanfaatkan ilmu menjadi penting dalam menjayakan transformasi perkhidmatan awam dan meningkatkan ekonomi rantai nilai tinggi bagi mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi. Matlamat ini didukung oleh cabaran JPJ bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi JPJ melalui pembangunan modal insannya yang berkualiti. Budaya Kerja Kelas Pertama akan memastikan JPJ berupaya bersaing di persada antarabangsa melalui penyampaian perkhidmatannya yang bersifat dinamik lagi produktif.

#### **L. Pindaan Undang-Undang**

Adalah didapati bahawa sikap melanggar undang-undang di kalangan pengguna jalan raya di Malaysia semakin berleluasa. Perangkaan pada tahun 2009 menunjukkan bahawa jumlah kemalangan jalan raya adalah 397,330 kes. Indeks kadar kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar adalah 3.55 pada tahun 2009. Kemalangan dan kematian jalan raya memberi impak kepada ekonomi negara di mana kerugian Kerajaan dianggarkan sebanyak RM 9 billion setiap tahun atau dua peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP).

Bagi menangani isu-isu di atas, Kerajaan telah membuat keputusan bagi meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Hasil perbincangan dengan semua agensi yang berkaitan, Kerajaan telah merumuskan lima (5) teras pindaan seperti berikut:

- i. kesan daripada penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD);
- ii. menyokong inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) – Pengangkutan Awam Bandar; membanteras amalan rasuah dan menangani perbuatan jenayah;
- iii. memantapkan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga agensi-agensi penguatkuasa yang lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan SPAD serta Pihak Berkuasa Tempatan;



- iv. melaksanakan Sistem Penguatkuasaan Secara Automatik (*Automated Enforcement System – AES*); dan
- v. mengemaskini (*housekeeping*) peruntukan-peruntukan tertentu Akta 333.

Pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 merupakan cabaran besar kepada JPJ di dalam memastikan pelaksanaannya dapat memberi impak yang besar kepada pencapaian matlamat mengurangkan kemalangan jalan raya. Untuk itu JPJ perlu menyemak semula setiap perancangan kerjanya dan perancangan latihan bagi memastikan setiap kakitangan JPJ bersedia dari segi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.



# BAB 3

TRANSFORMASI JPJ

- Keperluan Transformasi JPJ
- Hala Tuju Transformasi
- Fasa Pelaksanaan Transformasi
- Asas Strategi Dan Hala Tuju Transformasi



## BAB 3 • TRANSFORMASI JPJ

### KEPERLUAN TRANSFORMASI JPJ

JPJ perlu mengorak langkah untuk menghadapi perubahan dan persekitaran global yang begitu mencabar. Usaha ini memerlukan tindakan dan cara bekerja yang melangkaui kebiasaan. JPJ perlu mengatasi pelbagai cabaran ini dengan bijak lagi berkesan. JPJ perlu menetapkan bagaimana cabaran-cabaran tersebut dapat diatasi dalam hasrat memacu Negara menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. JPJ dan seluruh warganya perlu bertindak pantas dan positif, relevan, mempunyai daya saing, integriti yang tinggi, arif dan berilmu.

Bagi menjadikan tempoh 10 tahun ini sebelum menjelang tahun 2020 sebagai tempoh yang paling bermakna dan paling produktif. JPJ perlu menjadikan tempoh 10 tahun ini, tahun-tahun yang terbaik dalam usaha JPJ untuk berdiri megah pada tahun 2020 nanti bagi mewar-warkan bahawa wawasan yang digagaskan telah tercapai.

Inisiatif yang dicadangkan mampu untuk membangunkan JPJ secara menyeluruh meliputi aspek produktiviti, kreativiti dan inovasi selari dengan kehendak penghasilan modal insan yang diperlukan negara terutamanya dalam memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Pelan strategik ini merupakan hala tuju transformasi JPJ yang selaras dengan Misi Nasional melalui usaha untuk mewujudkan institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia dan meningkatkan kompetensi penjawat awam seperti yang termaktub di dalam agenda Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10) selain daripada menyokong falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi *National Key Result Areas* (NKRA) yang menjadi Strategi Pertama Teras Strategik RMK 10.





Seluruh warga JPJ mempunyai iltizam yang teguh untuk melaksanakan tanggungjawab yang murni ini iaitu untuk menjayakan Transformasi JPJ ke arah menjadikan JPJ sebagai sebuah organisasi yang relevan dan berdaya saing demi untuk menyumbang kepada kemajuan Negara dan kesejahteraan rakyat.

## **HALA TUJU TRANSFORMASI**

Aspirasi JPJ adalah menjadi Organisasi Pengurusan Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Bertaraf Dunia pada tahun 2020. Kami warga JPJ percaya bahawa kami perlu mengubah cara berfikir dan bekerja melangkaui daripada kebiasaan bagi mencapai aspirasi ini.

Perjalanan transformasi menuju kepada pencapaian visi ini adalah sukar tetapi kami melihatnya sebagai suatu perjalanan yang mencabar dan menarik. Ianya memerlukan kepada kepimpinan, kerjasama pasukan dan keinginan yang tinggi bagi mencapai aspirasi yang diharapkan. Aspirasi ini akan kami sokong dengan misi untuk menjadikan jalanraya di Malaysia sebagai tempat yang selamat dan selesa bagi memenuhi keperluan pelanggan dan agenda pembangunan Negara. Untuk itu, kami akan memaksimumkan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan kecekapan perkhidmatan di samping menjadikan agenda *First World Infrastructure, First Class Mentality* sebagai asas penting kepada pencapaian aspirasi visi dan misi.

## **FASA PELAKSANAAN TRANSFORMASI**

Tempoh masa agenda transformasi ini ialah dalam jangka pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 hingga 2015 (RMK 10) dan Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016 hingga 2020 (RMK 11). Lapan OKRA yang dikenal pasti ini akan menjana beberapa inisiatif ke arah pencapaian objektif Transformasi JPJ seperti yang digariskan. Lapan bidang keberhasilan utama ini akan diukur dengan sasaran petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators*) yang perlu dicapai menjelang tahun 2020. Dalam rancangan Malaysia yang seterusnya, inisiatif-inisiatif yang dirancang perlu dinilai semula untuk melihat keberkesanan dan



kesesuaiannya dengan perubahan kepada persekitaran dan keperluan pelanggan, *stakeholders* dan Negara. Inisiatif selanjutnya perlu dirangka dan dipadukan dengan unsur-unsur penambahbaikan yang berterusan.

Fasa pelaksanaan Transformasi JPJ akan melalui empat fasa pelaksanaan seperti berikut:

- Fasa 1 – 2011 hingga 2012 : *Big Fast Results* (BFR) dan Transformasi Keinstitusian
- Fasa 2 – 2013 hingga 2015 : Peningkatan
- Fasa 3 – 2016 hingga 2020 : Pemerkasaan
- 2020 ke atas : Kecemerlangan

Fasa 1 Pelan Transformasi JPJ menumpukan kepada pelaksanaan aktiviti dalam jangkamasa 2011 hingga 2012, iaitu bagi tempoh dua tahun. Pelaksanaan pada fasa ini bertujuan meletakkan batu asas yang kukuh dan landasan yang tepat sebagai persediaan untuk Fasa 2 iaitu peringkat peningkatan. Fasa 1 ini amat penting kerana rakyat mahu melihat pelaksanaan dan penyampaian dan bukan sekadar idea.

Oleh itu, JPJ perlu mengambil langkah untuk memastikan bahawa pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang digubal di dalam Pelan Transformasi ini menjadi kenyataan. Keperluan *Pencapaian Diutamakan* adalah merupakan anjakan paradigma bagi kakitangan JPJ meningkatkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban. Hasil keputusan yang jelas dan besar perlu diperlihatkan serta dirasai oleh rakyat.

Dalam hubungan ini, peranan warga JPJ yang menjadi nadi kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dirancang adalah amat penting di dalam memastikan kejayaan Pelan Transformasi JPJ. Kegagalan Pelan Transformasi ini akan hanya menunjukkan kegagalan Kerajaan umumnya. *Rakyat di dahulukan, pencapaian diutamakan* yang merupakan aspirasi kerajaan di dalam menyuntik semangat baru kepada semua penjawat awam untuk mentransformasikan cara bekerja dan berfikir akan menjadi pemangkin kepada pembentukan sikap warga JPJ yang lebih baik dan positif.



Fasa 3 kepada transformasi JPJ akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa strategi dan inisiatif bagi melonjak JPJ mencapai petunjuk prestasi yang telah ditentukan. Peringkat ini boleh melibatkan kajian semula pelan transformasi secara komprehensif. Berdasarkan senario semasa, sasaran strategik dan penilaian secara sistematik serta pendekatan keseluruhan transformasi JPJ akan dilihat kembali. Pelaksanaan strategi dan inisiatif pada Fasa 3 diharap dapat menyediakan JPJ bagi mencapai ciri kecemerlangan institusi yang inovatif, kreatif dan responsif. Ciri-ciri ini diyakini sebagai mampu untuk membawa JPJ kepada tahap kecemerlangan dalam Fasa 4. Melangkaui tahun 2020, JPJ akan mempunyai kekuatan untuk maju ke hadapan mencapai piawai antarabangsa. Dengan bertunjangkan kekuatan yang ada, JPJ akan terus mengekalkan kecemerlangan secara lestari.

### **ASAS STRATEGI DAN HALA TUJU TRANSFORMASI**

Organisasi yang proaktif ialah organisasi yang sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan membangunkan strategi yang dinamik untuk menangani halangan yang mendatang. Untuk itu JPJ akan menggunakan kerangka kapasiti “7S” Mc Kinsey sebagai asas permulaan bagi menjana langkah-langkah transformasi. Model 7S Mc Kinsey ini terdiri daripada strategi, struktur, sistem, staf, kemahiran (*skill*), gaya (*style*) dan nilai bersama (*shared value*). Model ini digunakan untuk memastikan semua aspek pembangunan dan pengurusan JPJ diberi perhatian bagi menjamin keseimbangan. Tumpuan seimbang akan memberi impak maksimum kepada pencapaian matlamat JPJ.

Model 7S Mc Kinsey ini dijadikan rujukan bagi JPJ merangka inisiatif-inisiatif yang ditetapkan.

# BAB 4

HALA TUJU STRATEGIK

- VISI
- MISI
- MOTTO
- NILAI-NILAI BERSAMA
- OBJEKTIF JPJ
- PRINSIP PELAN STRATEGIK
- OBJEKTIF STRATEGIK
- INISIATIF TRANSFORMASI DAN PELAN TINDAKAN JPJ
- *BIG FAST RESULTS*
- HASIL TRANSFORMASI JPJ
- FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (*KEY SUCCESS FACTOR*)
- MEKANISME PELAKSANAAN



## **BAB 4 • HALA TUJU STRATEGIK**

### **VISI**

*Menjadi Organisasi Pengurusan Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Bertaraf Dunia Pada Tahun 2020.*

### **MISI**

*Mengawal Selia Kenderaan Motor dan Lalulintas Jalan Supaya Selamat dan Efisyen Melalui Penguatkuasaan dan Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap, Berintegriti dan Berteknologi Tinggi Bagi Memenuhi Keperluan Pelanggan dan Negara Serta Menjaga Kebajikan dan Membangunkan Keupayaan Warga Yang Profesional.*

### **MOTTO**

*Mesra Cekap Telus*



## NILAI-NILAI BERSAMA

- **Integriti dan Akauntabiliti**  
Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur, adil dan saksama serta berkhidmat dengan komited dan bertanggungjawab.
- **Kecemerlangan Diri dan Organisasi**  
Menjalankan tugas dengan tabah, tekun, istiqamah, redha dan sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangan diri melalui pembelajaran sepanjang hayat.
- **Profesionalisme Dalam Perkhidmatan**  
Sentiasa mengamalkan profesionalisme yang tinggi serta bersedia bertindak untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan.
- **Mesra Jagat**  
Mempunyai perasaan prihatin, mesra, penyayang, ceria, peka dan empati.
- **Kerja Berpasukan**  
Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan serta muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi Jabatan.



## OBJEKTIF JPJ

- Mewujud dan mengawal selia pendaftaran dan pelesenan kenderaan bermotor dengan sistematik, berintegriti dan inovatif.
- Mewujud dan mentadbir sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang berkesan bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah.
- Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya.
- Mengawal selia dan mentadbir piawaian keselamatan kenderaan bermotor dengan cekap dan berintegriti bagi memenuhi keperluan pengguna, alam sekitar serta industri automotif Negara.

## PRINSIP PELAN STRATEGIK

Lima prinsip berikut adalah merupakan sebagai teras pemikiran dan pembangunan Pelan Strategik dalam mewujudkan sebuah organisasi berprestasi tinggi yang mapan menjelang tahun 2020 iaitu:

- i. Memperkasakan program sedia ada,
- ii. Memaksimumkan potensi kreatif dan inovatif,
- iii. Memantapkan sistem pemantauan dan pengiktirafan,
- iv. Memperkasakan program pembangunan modal insan, dan
- v. Melonjak transformasi melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi.





## OBJEKTIF STRATEGIK

Secara keseluruhannya hala tuju transformasi JPJ akan dicapai melalui lapan (8) objektif strategik yang juga merupakan bidang keberhasilan utama organisasi (*Organizational Key Result Areas – OKRA*) iaitu:

- i. Meningkatkan dan mengukuhkan integriti kakitangan.
- ii. Melaksanakan Konsep *One JPJ*.
- iii. Penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan.
- iv. Membina imej positif.
- v. Meningkatkan dan mengukuhkan kompetensi kakitangan.
- vi. Mewujudkan jalinan kerjasama korporat yang erat dengan *stakeholders* dan rakan niaga.
- vii. Meningkatkan keselamatan jalan raya.
- viii. Meningkatkan kebajikan kakitangan.

Falsafah di sebalik hala tuju transformasi ini adalah untuk merancang supaya berada di puncak yang paling tinggi. Sebagai contoh kami komited untuk berada di senarai pertama dalam *ranking* institusi perkhidmatan awam di Malaysia menjelang tahun 2015.

## INISIATIF TRANSFORMASI DAN PELAN TINDAKAN JPJ

Inisiatif yang dirangka dalam agenda ini digalur daripada lapan (8) bidang keberhasilan utama yang telah dikenalpasti. Berikutan itu juga, pelaksana setiap inisiatif akan lebih mudah untuk mengatur perancangan yang bersesuaian yang kemudiannya perlu diterjemahkan dalam bentuk Pelan Tindakan Operasi (PTO).



## **BIG FAST RESULTS**

Selaras dengan falsafah 'pencapaian diutamakan', maka pendekatan berbentuk *Big Fast Results* (BFR) yang berbentuk 'Lonjakan Berganda' perlu dibuat. Melalui pendekatan ini, beberapa inisiatif yang boleh dicapai lebih awal dan memberi impak yang besar kepada rakyat dan JPJ akan diberi fokus untuk dilaksanakan terus supaya dapat menghasilkan hasil (*outcome*) segera.

Hasil daripada pendekatan BFR ialah pencapaian (BFR) dan Transformasi Keinstitusian JPJ. Beberapa inisiatif BFR telah dikenalpasti sebagai satu langkah penguatkuasaan (*leverage*) yang bertujuan untuk melonjak keupayaan JPJ kepada tahap yang lebih tinggi (*levelling up*). Pada masa yang sama ia membantu membuktikan komitmen JPJ melalui pencapaian yang ditunjukkan.

Sebanyak dua belas (12) sasaran pencapaian telah dikenalpasti sebagai BFR iaitu:

- Pelaksanaan sebanyak 15 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPJ sebelum berakhir 2011. Kumpulan ini akan diberi latihan secukupnya dengan menggunakan pelbagai jenis *management tools* yang berkaitan dengan kreativiti dan inovasi. Kumpulan ini adalah penting sebagai agen perubahan dalam JPJ dalam usaha untuk merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.
- Sekurang-kurangnya 40% daripada anggota-anggota penguatkuasa JPJ menjadi ahli dan menjalani latihan asas Rejimen Askar Wataniah Malaysia sebelum berakhir tahun 2012. Galakan untuk setiap anggota penguatkuasa JPJ khususnya untuk menyertai Pasukan Askar Wataniah ini akan menyumbang kepada usaha-usaha JPJ bagi memantapkan lagi usaha membangunkan ketrampilan anggota yang mempunyai karakter dan disiplin yang tinggi.
- Melahirkan sekurang-kurangnya 10 orang pegawai-pegawai pengangkutan jalan yang mempunyai kelayakan profesional setahun. Pada 2012, sebanyak 20 orang pegawai-pegawai pengangkutan jalan akan mempunyai sekurang-kurangnya satu kelayakan profesional dalam bidang pengangkutan jalan khususnya.



- Projek pengkomputeran semula JPJ dilaksanakan sepenuhnya sebelum berakhir tahun 2012.
- AES dilaksanakan sepenuhnya sebelum berakhir tahun 2012.
- Bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya ialah pada kadar 2.399 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2012.
- Meningkatkan purata kebarangkalian pemandu ditahan bagi sesuatu kesalahan trafik (*perception of being caught*) pada tahap 55% hingga 75% pada tahun 2012 berbanding 16% hingga 25% sekarang dan seterusnya meningkat kepada 95% hingga 100% pada tahun 2020.
- Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia menawarkan sekurang-kurangnya satu program antarabangsa di bawah *Malaysia Technical Cooperation Program* (MTCP) dan satu program kerjasama pendidikan dengan institusi pengajian tinggi menjelang tahun 2012.
- Mencapai sekurang-kurangnya kedudukan 5 bintang pada tahun 2012 mengikut Star Rating MAMPU.
- Mencapai sekurang-kurangnya 80% tahap kepuasan pelanggan (luaran dan dalaman) terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh JPJ berdasarkan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan pada tahun 2012.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 1 ahli AKRAB bagi setiap 30 warga JPJ menjelang tahun 2012. Pendekatan mengurus modal insan melalui pengaruh Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) merupakan satu langkah tepat dalam menjana modal insan secara lebih menyeluruh. AKRAB merupakan antara empat program utama kerajaan bagi melaksanakan transformasi kepada pengurusan sumber manusia ke arah membudayakan kerja berprestasi tinggi. AKRAB akan menjadi agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam JPJ.
- Memenangi sekurang-kurangnya satu Anugerah AKRAB pada tahun 2012.



Tumpuan pelaksanaan transformasi dalam Fasa 1 juga melibatkan inisiatif Transformasi Keinstitusian. Transformasi Keinstitusian meliputi aspek kepimpinan dan tadbir urus organisasi, budaya kerja warga dan sistem penyampaian perkhidmatan.

Tujuan inisiatif transformasi kesinstitusian ialah meningkatkan keberkesanan (*effectiveness*) organisasi dan keupayaan modal insan JPJ. Aspek kepimpinan dan tadbir urus menekankan ciri dan amalan terbaik organisasi termasuk falsafah, orientasi dan struktur organisasi, gaya kepimpinan dan sistem pengurusan. Manakala, aspek transformasi warga memberi penekanan terhadap budaya kerja minda kelas pertama. Di samping itu, penghayatan dan tahap kesedaran warga terhadap gagasan transformasi perlu ditingkatkan supaya setiap warga menghayati dan menghargai setiap usaha dan aspirasi yang diharapkan. Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia yang menjadi nadi kepada pelaksanaan latihan bagi warga JPJ memainkan peranan penting bagi memartabatkan sistem latihan dan pendidikan JPJ kepada tahap yang lebih tinggi lagi.

Hasil yang diharapkan bagi inisiatif Transformasi Keinstitusian ialah:

- Setiap lapisan warga JPJ memahami dan menghayati peranan baru JPJ dalam konteks menjadi sebuah “institusi kelas dunia dengan minda warga kelas pertama.”
- Menjadikan JPJ sebagai sebuah organisasi pembelajaran (*learning organization*) yang berfokuskan kepada strategi dan hasil (*outcome*).
- Penyeragaman proses kerja dan memaksima sepenuhnya penggunaan teknologi bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.



## HASIL TRANSFORMASI JPJ

Kejayaan pencapaian Visi JPJ diterjemahkan melalui hasil pencapaian berikut:

- Mencapai taraf 5 bintang dalam *STAR RATING MAMPU* pada tahun 2015.
- Bilangan nahas kematian berada setaraf dengan Negara-negara maju pada tahun 2020 mengikut kajian pertumbuhan *International Transport Forum*.
- Bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya akan berkurangan sebanyak 10% (200 orang) pada setiap tahun.
- Bilangan aduan awam berhubung perkhidmatan JPJ berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima dan bilangan aduan menurun 5% pada setiap tahun.
- Bilangan kes tatatertib berkurangan sebanyak 5% setiap tahun.
- Mempunyai nisbah 1 ahli AKRAB bagi setiap 10 orang warga pada tahun 2015 dan 1 ahli AKRAB bagi setiap 5 orang warga menjelang tahun 2020.
- Memenangi Anugerah AKRAB Utama pada tahun 2015.
- Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia berstatus Universiti Pengangkutan Jalan menjelang tahun 2020.



## **FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (KEY SUCCESS FACTOR)**

Faktor kejayaan utama merupakan elemen penting bagi JPJ mencapai hasil yang diharapkan (*outcome*) dalam agenda Transformasi JPJ. Ianya merupakan syarat *imperatif* dan perlu ada dalam organisasi bagi memastikan JPJ berjaya mengharungi perjalanan hala tuju transformasinya.

Kejayaan transformasi JPJ bergantung kepada beberapa faktor berikut:

- **Penyusunan Semula Organisasi.**

Kapasiti organisasi JPJ perlu diperkukuhkan agar dapat melaksanakan bidang fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini perlu disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan pencapaian (*outcome*).

- **Kepimpinan Transformasional.**

Faktor kepimpinan adalah penting dalam menjamin kejayaan transformasi yang diinginkan. Kepimpinan JPJ perlu mempunyai jiwa yang besar untuk mencapai segala yang dirancang. Kepimpinan JPJ perlu mempunyai fokus dan berkongsi visi dan misi yang sama. Kepimpinan JPJ perlu memahami dan mampu untuk menterjemahkan segala apa yang dirancang dalam bentuk yang lebih praktikal untuk dilaksanakan dan selari dengan hala tuju transformasi yang telah ditetapkan.

- **Pengurusan Perubahan Yang Berkesan.**

Salah satu faktor kegagalan yang paling utama adalah kegagalan organisasi untuk merancang keperluan mengurus perubahan dengan berkesan dalam organisasi. Menyedari hakikat ini, JPJ perlu menyediakan satu pelan pengurusan perubahan yang sistematik terutamanya dalam mengharungi Fasa 1



Pelan Transformasi. Setiap warga JPJ perlu bersedia bagi menghadapi perubahan yang akan berlaku di bawah transformasi JPJ. JPJ perlu mempunyai warga yang kompeten dan sedar akan kepentingan Transformasi JPJ.

- **Peruntukan Kewangan Yang Mencukupi.**

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah amat penting bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal ini, JPJ perlu memastikan perancangan belanjawannya dirancang dengan mengambil kira kepada perubahan dalam persekitaran serta hala tuju transformasi yang dirancang.

- **Pelan Tindakan Strategik ICT JPJ.**

Visi ICT JPJ adalah untuk memanfaatkan ICT sebagai pemboleh daya strategik bagi semua proses utama dan perkhidmatan JPJ. Pelan Tindakan Strategik ICT JPJ perlu dibentuk bagi memastikan JPJ dapat memanfaatkan sepenuhnya penggunaan ICT secara berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Pelan Strategik JPJ dan Hala Tuju Transformasi yang digariskan.

- **Penilaian dan Kajian Semula Pelan Strategik.**

Pelan Strategik JPJ perlu bersifat dinamik dan terbuka bagi memastikan ia sentiasa relevan dan selari dengan perubahan persekitaran. Penilaian ke atas faktor-faktor persekitaran perlu dijalankan dari masa ke semasa. Pengukuran pencapaian semasa perlu dibuat perbandingan dengan pencapaian yang dirancang. Sebarang jurang terhadap pencapaian yang diukur perlu dikaji dan dibuat perubahan bagi memastikan matlamat yang digariskan dapat dicapai. Kajian Semula Pelan Strategik JPJ perlu dijalankan pada tahun 2015 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik JPJ.



- **Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan**

Tumpuan perlu diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan JPJ melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Perancangan pengurusan pembangunan kerjaya dan landasan kerjaya yang berkesan berasaskan kompetensi perlu digubal bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja dan menyediakan pelan penggantian yang berkesan dalam JPJ. Pada masa yang sama, Akademi JPJ Malaysia perlu mampu berperanan dengan lebih berkesan bagi memastikan warga JPJ dilengkapi dengan kompetensi yang sesuai dan selari dengan keperluan JPJ.

- **Undang-undang Yang Relevan dan Sesuai**

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, segala tindakan JPJ adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang tertentu yang diluluskan. Bagi memastikan keberkesanan JPJ dalam perjalanan menuju matlamat transformasinya, undang-undang yang ada perlu dikemaskini agar selari dengan perubahan persekitaran dan seterusnya menyokong segala usaha-usaha JPJ ke arah pencapaian visi dan misinya.

- **Pelan Tindakan Operasi Bahagian**

Setiap Bahagian di Ibu Pejabat dan setiap JPJ Negeri perlu menyediakan Pelan Tindakan Operasi (PTO) Bahagian dan Negeri bagi setiap Fasa Pelan Transformasi yang merangkumi prinsip utama transformasi JPJ untuk dikongsi bersama oleh semua warga JPJ. PTO akan mengenal pasti elemen-elemen utama transformasi pentadbiran dan operasi yang menetapkan strategi dan pelan tindakan bagi mencapai objektif model transformasi yang berasaskan nilai dan etika kerja yang positif.





Inisiatif khusus tertentu perlu dianjurkan bagi mengesan dan mewujudkan keadaan yang kondusif untuk kejayaan transformasi. Pengurusan risiko yang efektif perlu dibangunkan untuk menangani persekitaran yang boleh menjejaskan kemajuan pelaksanaan transformasi. Sehubungan itu, keseluruhan isu yang melibatkan organisasi, kepimpinan, profesionalisma warga dan peruntukan perlu ditangani dengan bijaksana agar impak yang positif dapat dihasilkan secara tersusun dan bersepadu.

## **MEKANISME PELAKSANAAN**

Kaedah pemantauan dan penilaian prestasi Pelan Strategik ini akan diukur menggunakan format Sistem Pemantauan Pojek (SPP) yang diubahsuai. SPP akan digunakan sebagai kaedah pemantauan pelaksanaan inisiatif, kajian dan penilaian semula Pelan Strategik. Satu Jawatankuasa Pemantauan Projek akan diwujudkan untuk bertanggungjawab secara langsung bagi memantau keberkesanan pelaksanaan dan pencapaian yang diaspirasikan. Struktur Jawatankuasa Pemantauan Projek adalah seperti **Lampiran 1**.

Laporan SPP akan dilaporkan sebagai satu agenda dalam Mesyuarat Pengurusan JPJ yang di Pengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah JPJ Malaysia.

# BAB 5

PENUTUP

- PENUTUP
- LAMPIRAN



## BAB 5 • PENUTUP

Pelan Strategik JPJ ini yang cuba direalisasikan melalui Pelan Transformasi JPJ merupakan suatu rencana JPJ bagi mengharungi fenomena globalisasi dan tuntutan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang berteraskan inovasi dan kreativiti. Transformasi ini memerlukan pembudayaan organisasi berteraskan kualiti dan berprestasi tinggi dengan melaksanakan inisiatif transformasi individu dan keinstitusian. Sesungguhnya, transformasi ini akan mengangkat martabat JPJ untuk menjadi sebuah organisasi yang bertaraf dunia. Pelan transformasi ini juga memberi fokus dan anjakan pemikiran yang baru bagi JPJ.

Untuk itu, usaha transformasi ini memerlukan usaha gigih yang berterusan oleh setiap warga JPJ. Profesionalisme setiap kakitangan perlu dipupuk dan diperkukuhkan dengan dorongan positif dan pimpinan bijaksana pada setiap lapisan kepimpinan. “Budaya kerja kelas pertama” dalam organisasi akan menyerlahkan imej yang unggul terhadap kualiti dan keberkesanan kerja yang dilaksanakan. Sehubungan itu, aktiviti yang dilancarkan memerlukan pelan tindakan yang strategik dan tugas ini harus dipikul oleh pimpinan JPJ dengan mengambil kira kemampuan masing-masing.

Natijahnya, transformasi ini mampu menjadikan JPJ sebagai peneraju dalam sistem pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan yang bertaraf dunia menjelang tahun 2020. JPJ mempunyai kemampuan untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna dalam mencapai matlamat dan gagasan Negara. JPJ juga mampu untuk melahirkan modal insan yang mampu untuk menyumbang dalam mendukung dan merealisasikan hasrat untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Impak Transformasi JPJ kepada masyarakat Malaysia pula ialah semua warganegara berpeluang untuk menikmati prasarana pengangkutan dan lalulintas jalan yang berkualiti, selamat dan berintegriti dalam suasana perubahan ekonomi global yang dinamik. Pada masa yang sama JPJ juga mampu menjadi fasilitator bagi menggalakkan pertumbuhan industri automotif Negara.



JPJ beriltizam untuk menjana modal insan melalui pelaksanaan latihan dalam persekitaran pembelajaran yang inovatif dan kreatif serta sentiasa merangsang warganya untuk terus meningkatkan ketrampilan dan hubung kaitnya dengan keperluan kemahiran terkini dalam bidang pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan.

Kejayaan transformasi yang utama adalah apabila JPJ mampu mencapai KPI nya. Kejayaannya juga adalah apabila JPJ menjadi pusat rujukan serantau dalam bidang pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan dan kejuruteraan automotif. Dengan reputasi sedemikian, ia akan merealisasikan visi JPJ menjadi Menjadi Organisasi Pengurusan Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Bertaraf Dunia Pada Tahun 2020 dan secara langsung akan menyumbang membangunkan Negara dalam era ekonomi yang dipimpin elemen inovasi (*innovation-led economy*) dan pekerja berpengetahuan (*K-workers*).



# LAMPIRAN 1

## STRUKTUR JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK

